



IKHLASBASIC TERM TAKAFUL

**Perlindungan untuk orang
yang tersayang**



PERLINDUNGAN UNTUK ORANG YANG TERSAYANG

Di dalam kehidupan ini, kita tidak dapat lari dari keadaan yang sukar dan penuh dugaan. Kematian dan kepayahan dari Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) boleh memberi kesan kepada emosi dan semangat kita untuk meneruskan kehidupan, terutamanya jika ia melibatkan ahli keluarga dan mereka yang rapat dengan kita.

Di samping itu, wabak seperti denggi juga semakin meningkat di mana Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengklasifikasikan 2015 sebagai tahun penularan wabak denggi yang besar di seluruh dunia. Sehingga 9 Julai 2016, angka kematian akibat denggi telah mencapai 134 kes di seluruh negara.¹

Dan, di dalam urusan seharian, kita tidak boleh mengelak daripada menggunakan jalan raya. Perjalanan melalui jalan raya menjadi mencabar dengan bilangan kenderaan yang telah meningkat sebanyak 17% di antara tahun 2011 dan 2014². Kita bukan sahaja terdedah kepada kemalangan jalan raya namun kita juga terdedah kepada kemalangan dan kecederaan lain.

Untuk itu, kami menawarkan pelan **IKHLAS** Basic Term Takaful agar dapat melindungi keadaan yang tidak terduga ini dan sebarang ketidaktentuan dalam menguruskan sara hidup anda dan orang yang tersayang. Ini akan memastikan tanggungjawab kewangan anda dilindungi, walaupun pada saat-saat yang sukar.

Apakah manfaat-manfaat yang akan saya terima dari **IKHLAS** Basic Term Takaful?

IKHLAS Basic Term Takaful adalah pelan sumbangan berkala Takaful Keluarga yang menawarkan manfaat-manfaat Takaful seperti berikut:

1. Manfaat Kematian

Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia akibat semulajadi semasa Sijil Takaful masih berkuat kuasa, 100% daripada Amaun Perlindungan asas akan dibayar kepada Peserta Takaful atau orang tersayang (penama atau waris terdekat).

2. Manfaat HUMK

Sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami HUMK akibat semulajadi semasa Sijil Takaful masih berkuat kuasa, 100% daripada Amaun Perlindungan asas akan dibayar kepada Peserta Takaful.

3. Pampasan Dua kali Ganda

Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia disebabkan oleh kemalangan atau mengalami HUMK disebabkan oleh kemalangan semasa Sijil Takaful masih berkuat kuasa, **tambahan 100%** daripada Amaun Perlindungan asas akan dibayar kepada Peserta Takaful atau orang yang tersayang (penama atau waris terdekat).

¹ Sumber: Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan CPRC, Kementerian Kesihatan Malaysia

² Sumber: Laman sesawang rasmi Kementerian Pengangkutan Malaysia

4. Manfaat Denggi

Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia disebabkan denggi semasa Sijil Takaful masih berkuat kuasa, **tambahan 50% daripada Amaun Perlindungan asas** akan dibayar kepada Peserta Takaful. Tertakluk kepada jumlah maksima sebanyak RM100,000 bagi setiap Orang Yang Dilindungi.

Amaun Perlindungan untuk kematian akibat denggi tidak akan dibayar sebagai tambahan kepada Amaun Perlindungan atas kematian akibat semulajadi atau kemalangan.

5. Manfaat Matang/ Serahan Sijil Takaful

Sijil Takaful tidak mempunyai sebarang nilai apabila mencapai tempoh matang atau apabila serahan dilakukan.

Nota:

Manfaat-manfaat Kematian/HUMK adalah dijamin oleh Dana Risiko. Sijil Takaful akan ditamatkan serta-merta selepas sebarang tuntutan dibayar sepenuhnya.

Siapakah yang layak untuk menyertai *IKHLAS Basic Term Takaful*?

Anda layak untuk menyertai pelan ini sekiranya anda berusia 17 tahun dan ke atas, pada hari jadi anda yang akan datang.

Berapa lamakah saya akan dilindungi?

Bergantung kepada tempoh perlindungan yang dipilih, tertakluk kepada umur maksimum 80 tahun (untuk Kematian) & 70 tahun (untuk HUMK).

Berapakah jenis pelan yang ditawarkan di bawah *IKHLAS Basic Term Takaful*?

Terdapat 6 jenis pelan perlindungan yang boleh anda pilih;

- (i) Pelan 1: RM25,000; atau
- (ii) Pelan 2: RM50,000; atau
- (iii) Pelan 3: RM100,000; atau
- (iv) Pelan 4: RM300,000; atau
- (v) Pelan 5: RM400,000; atau
- (vi) Pelan 6: RM500,000.

Anda bukan sahaja boleh memilih pelan yang anda inginkan, tetapi anda juga boleh memilih tempoh perlindungan sama ada:

- (i) 5 tahun; atau
- (ii) 10 tahun; atau
- (iii) 20 tahun

Nota:

1. Pada tarikh matang, Sijil Takaful ini boleh diperbaharui untuk tempoh perlindungan yang sama dengan tempoh perlindungan asal Sijil Takaful. Pertukaran tempoh perlindungan adalah tidak dibenarkan. Sumbangan Takaful yang baru akan ditentukan oleh pihak Syarikat semasa tarikh pembaharuan dan ianya adalah tidak sama dengan Sumbangan Takaful yang asal.
2. Tempoh pembaharuan automatik yang dibenarkan adalah tertakluk kepada umur Orang Yang Dilindungi belum mencapai umur maksimum lapan puluh (80) tahun. Jika umur semasa pembaharuan ditambah tempoh pembaharuan melebihi umur lapan puluh (80) tahun, Sijil Takaful tidak akan diperbaharui.
3. Jumlah maksimum perlindungan HUMK boleh dibayar daripada semua Sijil Takaful yang diluluskan oleh Syarikat ke atas diri Orang Yang Dilindungi haruslah tidak melebihi keseluruhan amaun RM2,000,000.

Berapakah jumlah yang perlu saya sumbangkan?

Jumlah Kasar Sumbangan Takaful Tahunan bergantung kepada keperluan pengunderaitan, umur, tempoh, status perokok, jantina dan Amaun Perlindungan yang dipohon. Beberapa sampel ditunjukkan di dalam jadual di bawah:

Umur	Kadar Sumbangan Takaful Tahunan (RM100,000 Amaun Perlindungan)		
	Tempoh = 5 Tahun	Tempoh = 10 Tahun	Tempoh = 20 Tahun
20	516.00	516.00	516.00
30	524.00	524.00	524.00
40	604.00	620.00	828.00
50	1,380.00	1,424.00	1,932.00

Nota:

Kadar di atas adalah dengan andaian bahawa Orang Yang Dilindungi yang dicadangkan adalah lelaki, tidak merokok dan tiada masalah perubatan kesihatan, risiko pekerjaan atau tabiat yang mungkin memerlukan sumbangan Takaful tambahan.

Anda juga boleh memilih untuk membuat sumbangan secara bulanan, suku tahunan, setengah tahun atau sumbangan tahunan.

SOALAN-SOALAN LAZIM

Apakah konsep Syariah yang diguna pakai di bawah pelan ini?

(i) *Tabarru'*

Bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks pihak Syarikat, *Tabarru'* akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.

(ii) *Wakalah*

Bermaksud kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan Yuran Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

Apakah dana yang terlibat di dalam *IKHLAS Basic Term Takaful*?

Dana Risiko adalah dana terkumpul, berdasarkan konsep *tabarru'* (derma) dengan memberikan perlindungan bersama dan membayar ganti rugi di kalangan Peserta-peserta Takaful.

Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang dikenakan untuk **IKHLAS Basic Term Takaful**?

(i) **Yuran Wakalah**

Tahun	1	2	3	3	5 dan ke atas
Yuran Wakalah	70%	70%	65%	65%	50%

Nota:

Yuran wakalah di atas terpakai untuk tempoh 5 tahun dan ke atas.

(ii) **Caj-caj lain**

Caj-caj	Penerangan
Caj <i>Tabarru'</i> (Derma)	Sumbangan Takaful bersih selepas ditolak Yuran <i>Wakalah</i> akan ditempatkan di dalam Dana Risiko sebagai caj <i>Tabarru'</i> . Butir-butir caj <i>Tabarru'</i> ini boleh didapati di dalam Sijil Takaful.
Caj Penguatkuasaan Semula	RM15. Yuran ini mungkin tertakluk kepada sebarang cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuassa di Malaysia pada kadar semasa kecuali dinyatakan sebaliknya
Duti Setem	Duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan, tambahan ke atas Sumbangan Takaful pertama untuk setiap Sijil Takaful.

Apakah **PENGECUALIAN- PENGECUALIAN** di bawah pelan ini?

a. **Pengecualian-pengecualian bagi Kematian**

Kami tidak melindungi kematian yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian yang berikut:

1. Membunuh diri; atau
2. Menghidap HIV atau meninggal dunia akibat Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau lain-lain penyakit kelamin; atau
3. Di bawah pengaruh alkohol atau dadah selain dari yang mengikut arahan seorang pengamal perubatan berdaftar.

b. **Pengecualian-pengecualian utama bagi HUMK**

Kami tidak melindungi apa-apa HUMK yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu daripada kejadian yang berikut:

1. Percubaan untuk memudaratkan diri sendiri dengan sengaja ketika siuman atau tidak siuman; atau
2. Peperangan, penaklukan, tindakan musuh asing, perseteruan atau operasi seperti peperangan (sama ada diisytiharkan ataupun tidak) atau perang saudara; atau
3. Pemberontakan, rusuhan, pemberontakan tentera atau orang awam, insureksi, penentangan, revolusi, perintah berkurung atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurung ataupun darurat; atau

4. Hilang upaya bermula sebelum penerimaan perlindungan; atau

5. Keadaan sedia wujud.

c. Pengecualian tambahan untuk manfaat HUMK disebabkan kemalangan:

1. Apa-apa jenis penyakit, sawan, hernia, penyakit kelamin.

Nota:

Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful bagi mendapatkan senarai penuh pengecualian-pengecualian.

Mengapa Takaful Ikhlas Family Berhad?

Takaful Ikhlas Family Berhad didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Operasi perniagaan dan pengurusan kami adalah berlandaskan kepada prinsip Syariah. Kami memberi keutamaan dalam memastikan kesemua urusan perniagaan kami adalah berasaskan kesaksamaan dan keadilan kerana kami berpegang kepada falsafah “**kemudahan berurusan**” dengan semua rakan perniagaan kami terutamanya – **Pelanggan kami.**

Sejajar dengan perkembangan perkhidmatan perlindungan kewangan Islam di peringkat antarabangsa dan tempatan, pihak Syarikat telah memilih kontrak *Wakalah* sebagai model dalam membentuk asas operasi kami. *Wakalah* adalah satu bentuk hubungan perwakilan di antara pihak Syarikat dan Peserta Takaful.

Apakah maklumat penting yang anda perlu berikan perhatian?

1. Brosur ini adalah sebagai maklumat umum sahaja. Ini bukan kontrak Takaful. Syarat-syarat yang dinyatakan adalah tidak menyeluruh dan tidak lengkap. Anda perlu merujuk kepada Helaian Keterangan Produk (PDS) dan Ilustrasi Manfaat bagi mendapatkan maklumat lanjut di mana anda boleh mendapatkan kedua-duanya dari ejen Takaful yang memberi perkhidmatan kepada anda. Anda juga perlu mempertimbangkan yuran-yuran dan caj-caj yang terlibat.
2. Pihak Syarikat berhak menyemak semula kadar, yuran dan caj, manfaat, tempoh dan syarat. Peserta Takaful akan dimaklumkan mengenai semakan semula ini secara bertulis.
3. Peserta Takaful perlu berpuas hati bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda dan Sumbangan Takaful yang dibayar di bawah pelan ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.

4. Peserta Takaful diberi Tempoh Bertenang selama lima belas (15) hari selepas menerima Sijil Takaful untuk memastikan keperluan menyertai pelan ini. Peserta Takaful boleh memilih untuk membatalkan Sijil Takaful dengan memulangkan Sijil Takaful kepada pihak Syarikat dalam Tempoh Bertenang. Pihak Syarikat akan membatalkan serta-merta selepas penerimaannya dan akan memulangkan Sumbangan Takaful yang telah dibayar ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang dibuat (sekiranya ada).
5. Selepas bayaran Sumbangan Takaful pertama, kegagalan pembayaran Sumbangan Takaful seterusnya kepada pihak Syarikat pada tarikh akhir dalam tempoh ehsan akan dianggap sebagai tertunggak.
6. Sekiranya tiada Sumbangan Takaful selepas tamat tempoh ehsan, Sijil Takaful akan lupus dan tidak mempunyai nilai.
7. Sekiranya Sijil Takaful lupus, penguatkuasaan semula adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak Syarikat.
8. Sijil Takaful ini tidak menyediakan sebarang amaun manfaat dari Dana Risiko seandainya berlaku pembatalan, matang, serahan atau tamat tempoh kepada Sijil Takaful.
9. Jumlah yang akan dikesualikan daripada cukai pendapatan untuk Sumbangan Takaful dan Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP) adalah sehingga RM6,000. Walau bagaimanapun ia adalah tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
10. Pihak Syarikat berhak menolak sebarang tuntutan sekiranya Peserta Takaful gagal memberi maklumat-maklumat yang relevan yang akan memberi kesan kepada pihak Syarikat untuk membuat keputusan untuk menerima ataupun menolak sebarang risiko yang dicadangkan dan juga Sumbangan Takaful dan terma-terma yang sepatutnya dikenakan ke atas Peserta Takaful.
11. Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada buku panduan *info insurers* mengenai 'Takaful Keluarga', yang disediakan di semua cawangan kami atau layari www.insuranceinfo.com.my

Penafian:

Risalah ini adalah untuk maklumat sahaja. Ia bukanlah satu kontrak Takaful. Syarat-syarat yang dinyatakan adalah tidak terperinci. Sila rujuk kepada kontrak Sijil Takaful bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting di dalam Sijil Takaful.



TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD

(200201025412) (593075-U)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

IKHLAS Point

Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

☎ : 03-27239696

🌐 : www.takaful-ikhlas.com.my

🖨 : 03-27239998

✉ : ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my



Manfaat-manfaat yang layak dibayar di bawah Sijil Takaful ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga hadnya. Sila rujuk Risalah TIPS PIDM atau hubungi Takaful Ikhlas Family Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Kami Melindungi Anda